



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 ( 35 )

Tarikh: 24 April 2012

Ketua Pengarang,

Utusan Malaysia

**Akhbar : Utusan Malaysia**  
**Tarikh : 21 April 2012**  
**Perkara : Syarikat Pinjaman Berlesen Menipu**

---

Dengan hormatnya artikel bertajuk 'Syarikat Pinjaman Berlesen Menipu' bertarikh 21 April 2012 adalah berkaitan.

2. Isu yang dibangkitkan oleh pihak Persatuan Keselamatan Pengguna (PKP) Kuala Lumpur di dalam artikel tersebut menjurus kepada dakwaan terdapatnya Syarikat Pemberi Pinjam Berlesen yang mengenakan kadar faedah pinjaman yang tinggi iaitu di antara 6%-30% sebulan dan pengumpulan data-data berhubung pinjaman oleh Kementerian.

3. Berdasarkan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) Pindaan 2011, Seksyen 17 (A), menyatakan kadar faedah yang dibenarkan adalah 12% setahun bagi pinjaman bercagar dan 18% bagi pinjaman tidak bercagar. Bagi pemberi pinjam wang yang didapati melakukan kesalahan di Seksyen ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 20,000 atau penjara 18 bulan atau kedua-duanya sekali. Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) telah menjalankan aktiviti pencegahan melalui pemantauan secara berterusan ke premis perniagaan pemberi pinjam wang (PPW) berlesen dan sepanjang tahun 2011 sejumlah 373 premis PPW telah diperiksa.

Berdasarkan kepada hasil pemantauan sepanjang tempoh Januari sehingga Mac 2012, sejumlah 211 premis PPW telah diperiksa dan didapati tiada PPW berlesen yang mengenakan kadar faedah tinggi (6%-30% sebulan) seperti yang didakwa di dalam artikel tersebut.

Kementerian sentiasa memandang serius terhadap perkara ini. Pemantauan dan pemeriksaan premis yang dilaksanakan secara berterusan adalah bertujuan untuk memastikan kesemua premis pemberi pinjam wang yang dilesenkan mematuhi segala peraturan dan tatacara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 400. Tindakan proaktif ini diambil bagi memastikan kesalahan-kesalahan seperti mengenakan faedah yang tinggi, tiada resit bayaran dan lain-lain kesalahan tidak dilakukan oleh pemegang lesen.

4. Kementerian melalui Bahagian ini telah mengambil tindakan secara berterusan iaitu melalui siasatan dan serbuan ke atas aduan-aduan yang diterima. Pada tahun 2011 sehingga kini, sejumlah 172 aduan telah diterima dan didapati 88 aduan daripadanya ialah melibatkan Seksyen 17(A) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan 2011) iaitu kesalahan melibatkan kadar faedah tinggi. Sepanjang tempoh tersebut juga sejumlah 23 serbuan ke atas premis pemberi pinjam wang berlesen yang disyaki melakukan pelanggaran Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 telah dijalankan di atas pelbagai kesalahan. Daripada jumlah itu, 6 kes telah di dakwa ke Mahkamah.

5. Selaras dengan keperluan Akta 400 di bawah Peraturan 16, Peraturan-peraturan (Kawalan dan Pelesenan ) yang mewajibkan setiap Syarikat Pemberi Pinjam Wang Berlesen menghantar laporan transaksi tahunan sebelum 1 Februari, rekod yang diperolehi ini memaparkan bahawa pada tahun 2011 terdapat sejumlah 355,872 orang peminjam telah berurusan dengan Syarikat Pemberi Pinjam Wang Berlesen dengan nilai transaksi melebihi RM 3 bilion.

6. Sebagai seorang peminjam perkara-perkara berikut seharusnya diteliti sebelum atau urusan pinjaman wang berlaku.

<b>PERKARA</b>	<b>PENERANGAN</b>
Premis / Urusan Pinjaman	Pinjaman diuruskan di premis perniagaan berdaftar, bukan rumah kediaman.
Premis / Urusan Pinjaman	Pinjaman diuruskan di premis perniagaan berdaftar, bukan rumah kediaman.
Lesen	Lesen dipamerkan di premis yang dapat dilihat dengan jelas.
Kadar Faedah	Pinjaman Bercagar: 1 % sebulan atau 12% setahun; Tidak bercagar : 1.5% sebulan atau 18% setahun; Amaun faedah yang dikenakan tidak melebihi jumlah pinjaman (pokok)
Iklan	Papan tanda/iklan pemberi pinjam wang perlu mengandungi nama syarikat, nombor lesen, kadar faedah, alamat pemberi pinjam dan nombor telefon.
Perjanjian dan Pinjaman	Perjanjian disediakan mengikut format yang ditetapkan di bawah Akta, diakusaksi sewajarnya dan disetemkan.  Peminjam berhak untuk mendapatkan satu set lengkap salinan perjanjian yang dibuat dengan Pemberi Pinjam Wang.
Ansuran bayaran balik	Setiap peminjam dikehendaki membayar balik ansuran mengikut yang dipersetujui semasa perjanjian pinjaman wang dibuat. Bayaran hanya boleh dibuat di premis dan resit dikeluarkan – (PPW berlesen tidak dibenarkan memegang kad pintar ATM).
Semakan	Semakan status PPW berlesen boleh dibuat melalui laman sesawang iaitu <a href="http://www.kpkt.gov.my/">http://www.kpkt.gov.my/</a> atau boleh berhubung terus melalui telefon di talian 03-8891 4690/4692 atau datang sendiri ke Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Aras 22, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.

7. Bagi peminjam yang ingin membuat aduan bolehlah mengemukakannya secara rasmi melalui laman sesawang KPKT iaitu <http://www.kpkt.gov.my/>, datang terus ke Kaunter BPWG di Aras 1 KPKT atau boleh menghubungi talian 03-8891 4720. Kementerian bersedia untuk membantu peminjam pada bila-bila masa bagi menyalurkan maklumat yang diperlukan berhubung pemberi pinjam wang. Pada masa yang sama, masyarakat juga perlu lebih prihatin akan hak mereka terhadap apa jua perkhidmatan mahupun pinjaman yang ingin diperoleh dan perlu menangkis sikap ambil mudah.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)